

21 MAY 2001

Mahathir-Cina

HANYA CINA DARI AKAR BOLEH SERTAI UMNO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kelonggaran untuk orang Cina di Sabah menyertai Umno hanya terhad kepada mereka yang sebelum ini menganggotai Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya minta maaf kerana semalam saya buat kenyataan iaitu ia terbuka kepada semua orang Cina di Sabah. Itu tidak benarlah," kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Beliau menjelaskan bahawa ada di kalangan anggota Akar terdiri daripada orang Cina yang dipanggil "Sino" iaitu mereka yang menjadi Bumiputera menerusi perkahwinan.

"Kita sanggup menerima kesemua mereka walaupun mereka bukan Sino tetapi betul-betul orang Cina," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno membuat kenyataan bahawa Umno kini membuka pintunya kepada kaum Cina di Sabah selepas mengumumkan mengenai pembubaran Akar di Kota Kinabalu semalam.

Dr Mahathir juga ditanya tentang laporan bahawa beliau akan melantik seorang pembantu khas dan seorang setiausaha akhbar berbangsa Cina.

Katanya ini bagi membolehkan beliau mengetahui dengan lebih mendalam pemikiran masyarakat itu.

"Kita dengar bising sangat orang Cina, kita kena ambil tahulah apa dia," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah itu tidak ada kena-mengena dengan tanggapan sesetengah pihak kononnya MCA yang mewakili majoriti kaum Cina di Malaysia tidak efektif.

"Macam juga kalau saya cari setiausaha politik Melayu, tidak bermakna bahawa ahli kabinet Umno ini tak berguna," katanya.

Ketika ditanya bila Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan kembali daripada cuti dua bulannya, Perdana Menteri berkata: "Beliau akan bercuti sehingga hujung bulan ini. Hujung bulan belum tiba lagi. Jadi, dia berhak untuk tidak berada di sini lagi."

-- BERNAMA

MAM MS MAI